LAMPIRAN 2.19

KP.8591/(97)
Bahagian Sekolah-sekolah,
Kementerian Pelajaran,
Tingkat 12-14, Bangunan Bank Pertanian,
Leboh Pasar Besar,
Kuala Lumpur.
Telefon: 922066
Kawat: PELAJARAN'

Ihb. Oktober, 1982

Pengarah Pelajaran Negeri,
Semenanjung Malaysia,
Sabah dan Sarawak

Tuan,

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1982
Permainan 'Pin-table, Video Game, Game Watch'

Adalah dimaklumkan bahawa selaras dengan prinsip-prinsip pendidikan yang bertujuan bagi pembentukan dan peningkatan disiplin, budi pekerti dan akhlak yang mulia serta sifat-sifat bertanggungjawab di kalangan murid-murid sekolah, maka adalah perlu bagi sekolah-sekolah menentukan bahawa murid-murid hendaklah diberi latihan terhadap memupuk sifat-sifat dan sikap yang tersebut dan di samping itu menghindarkan mereka daripada melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang tidak diingini.

2. Sebagai satu daripada langkah-langkah bagi mencapai matlamat ini, Kementerian Pelajaran telah mengambil keputusan melarang semua murid sekolah daripada:

2.1. bermain permainan 'pin-table, video game' dan permainan-permainan seumpamanya di tempat-tempat awam.

2.2. membawa ke sekolah segala jenis 'game watch' untuk permainan.

Permainan yang tersebut ini adalah dianggap sebagai permainan yang membuang masa dan membazir wang serta melalaikan mereka daripada menumpukan sepenuh perhatian terhadap pelajaran mereka.

3. Guru-Guru Besar, terutama sekali bagi sekolah-sekolah di dalam bandar hendaklah memaklumkan peraturan ini kepada semua murid di sekolah masing-masing. Di samping itu, Guru-Guru Besar juga dikehendaki mendapatkan kerjasama daripada Persatuan Ibu bapa dan Guru-Guru sekolah masing-masing untuk menentukan peraturan ini dipatuhi. Murid-murid yang melanggar peraturan ini bolehlah dianggap sebagai melanggar peraturan disiplin sekolah dan oleh itu terpulanglah kepada pihak sekolah mengambil tindakan yang sewajarnya.

4. Harap maklumkan kandungan surat pekeliling ini kepada semua guru besar sekolah-sekolah di negeri tuan.

Sekian dimaklumkan.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

tandatangan

(DATUK ABDUL AZIZ BIN ISMAIL)
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran II,
b.p. Ketua Setiausaha,
Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k.

1. Setiausaha Sulit kepada Y.B. Menteri Pelajaran Malaysia
2. Setiausaha Sulit kepada Y.B. Timbalan Menteri Pelajaran I
3. Setiausaha Sulit kepada Y.B. Timbalan Menteri Pelajaran II
4. Ketua Setiausaha, Kementerian Pelajaran
5. Ketua Pengarah Pelajaran, Kementerian Pelajaran
6. Timbalan Ketua Setiausaha I, Kementerian Pelajaran
7. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran I, Kementerian Pelajaran
8. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran II, Kementerian Pelajaran
9. Timbalan Ketua Setiausaha II, Kementerian Pelajaran
10. Ketua-ketua Bahagian, Kementerian Pelajaran
11. Ketua Nazir, Kementerian Pelajaran
12. Pegawai Khas I kepada Y.B. Menteri Pelajaran
13. Pegawai Perhubungan Awam, Kementerian Pelajaran
14. Setiausaha Akhbar kepada Y.B. Menteri Pelajaran.